

05/03/2003

Serangan AS terhadap Iraq jejas kestabilan negara Islam

PUTRAJAYA: Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan Islam di seluruh dunia akan menghadapi masalah dalaman jika Amerika Syarikat menyerang Iraq.

"Jika tindakan Amerika dianggap tidak wajar dan tidak adil malah tidak masuk akal, kami akan menghadapi masalah dalaman.

"Puak militan dan penganas tentu akan cuba mengeksploitasi keadaan dan pengikut Islam berhaluan sederhana juga tentu turut marah (jika Amerika menyerang Iraq).

"Serangan itu akan menyebabkan kerajaan Islam menghadapi tekanan kuat," kata Abdullah yang dinamakan sebagai pengganti Perdana Menteri selepas Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersara Oktober ini.

Dalam wawancara dengan agensi berita Agence France Presse (AFP) di sini, Abdullah, 63, meramalkan bahawa Pas sebagai pembangkang utama Barisan Nasional (BN) yang memerintah, akan mengambil kesempatan jika keadaan itu berlaku.

Kira-kira 60 peratus daripada 23 juta penduduk Malaysia beragama Islam.

"Pas akan cuba mengeksploitasi semua perkara yang difikirkan boleh memberi kelebihan kepadanya, sebarang perkara yang dianggap anti-Islam dan jika mereka melihat kerajaan Malaysia tidak cukup mempertahankan Muslim, mereka akan menggunakannya terhadap kami.

"Kebanyakan orang Islam di Malaysia melihat keadaan berdasarkan garis agama, itulah yang kami bimbangkan," kata Abdullah yang menurut AFP bakal mengambil alih negara Islam paling maju ekonominya di dunia.

Abdullah memulakan sesi latihan sebagai ketua negara mulai esok apabila Dr Mahathir, 77, bercuti.

Abdullah akan mengambil alih sepenuhnya selepas sidang OIC diadakan di sini pada 11 hingga 14 Oktober depan apabila Malaysia mempengerusikan persidangan itu.

Dalam tempoh 14 bulan selepas itu, beliau akan menghadapi pilihan raya umum dan Abdullah mengakui tugasnya lebih berat jika kempen anti keganasan Amerika ditafsirkan sebagai anti-Muslim.

Dalam wawancara itu, beliau menyuarakan pandangan mengenai isu ketegangan global dan serantau, keganasan, Islam dan ekonomi.

Beliau menekankan, sebarang persepsi bahawa perang di Iraq adalah anti-Muslim akan mencetuskan tuntutan terhadap kerajaan Islam supaya bertindak terhadap Amerika dan negara lain yang terbabit.

Ia juga dijangka meningkatkan sokongan supaya tindakan dilancarkan

termasuk kempen jihad dan keganasan terhadap Amerika dan negara lain yang terbabit.

Ditanya sama ada Kuala Lumpur akan menyokong cadangan Emiriyah Arab Bersatu (UAE) supaya Presiden Iraq, Saddam Hussein, meletak jawatan bagi menghalang perang dilancarkan ke atas negara itu, beliau berkata, Malaysia akan mengkaji cadangan itu apabila ia dibentangkan kepada mesyuarat OIC di Qatar.

"Jika Saddam Hussein secara sukarela mahu berhenti dan bersara, itu tentu dapat membantu," katanya.

Tetapi, negara Arab adalah pihak terbaik untuk menasihati Saddam, kata Abdullah, menunjukkan sikapnya yang berhati-hati, ciri utama membezakan beliau daripada Dr Mahathir yang lantang bersuara sejak memerintah 21 tahun.

Selain meramalkan penentangan orang Islam jika perang dilancarkan ke atas Iraq, Abdullah mengakui bahawa Malaysia yang bergantung kepada sektor eksportnya dan Amerika sebagai rakan dagang utama, akan menghadapi masalah ekonomi jika konflik Teluk berlarutan.

Beliau membayangkan bahawa pakej rangsangan ekonomi lewat bulan ini mungkin membuat beberapa kejutan kerana Malaysia bukan saja menghadapi kesan buruk perang tetapi persaingan dari China khususnya pelaburan langsung asing (FDI).